



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 25

17hb Disember 2007

*TAMBAHAN No. 148
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 413.

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2) 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PEMELUASAN
DAN UBAH SUAIAK AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemeluasan dan Ubah Suaian Akta Pemberi Pinjam Wang 1951) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pemeluasan dan ubah suaian Akta ke Wilayah Persekutuan Labuan

2. (1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], yang disebut “Akta yang dipeluaskan” dalam Perintah ini, adalah dipeluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Akta yang dipeluaskan diubah suai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pemeluasan perundangan subsidiari ke Wilayah Persekutuan Labuan

3. (1) Semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang dipeluaskan adalah dipeluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang dipeluaskan hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan-perubahan yang bersamaan tentang nama atau nama jawatan sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan Akta yang dipeluaskan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah ini.

Pemansuhan, peralihan dan kecualian

4. (1) Ordinan Pemberi Pinjam Wang [*Sabah Bab 81*] dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Ordinan tersebut, dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan, adalah dimansuhkan (kemudian daripada ini disebut “Ordinan yang dimansuhkan”).

(2) Apa-apa lesen yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah terus dan kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dikansel, atau kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan, yang hanya bagi maksud itu Ordinan yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya.

(3) Mana-mana perintah atau prosiding yang belum selesai atau telah dimulakan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

JADUAL

[Subperenggan 2(2)]

*Peruntukan Akta
Pemberi Pinjam Wang 1951*

Ubah suaian

Subseksyen 1(2)

Gantikan perkataan “only” dengan perkataan “and the Federal Territory of Labuan”.

Seksyen 2

Masukkan selepas takrif “moneylending agreement” takrif yang berikut:

“‘Perbadanan Labuan’ has the same meaning assigned to it in the Perbadanan Labuan Act 2001 [*Act 609*];’.

Subseksyen 4(1)

Masukkan perkataan “and officers of Perbadanan Labuan” selepas perkataan “public service”.

*Peruntukan Akta
Pemberi Pinjam Wang 1951*

Ubah suaian

Subseksyen 4A(2)

Masukkan perkataan “and officer of Perbadanan Labuan” selepas perkataan “public officer”.

Subseksyen 27(1)

Potong perkataan “District Officer,”.

Dibuat 23 Oktober 2007
[KPKT(S)01/861/3 Jld. 6; PN(PU²)415/X]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

CONSTITUTION (AMENDMENT) (No. 2) ACT 1984

FEDERAL TERRITORY OF LABUAN (EXTENSION AND MODIFICATION OF THE
MONEYLENDERS ACT 1951) ORDER 2007

In exercise of the powers conferred by section 7 of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984 [*Act A585*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of the Moneylenders Act 1951) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Extension and modification of Act to the Federal Territory of Labuan

2. (1) The Moneylenders Act 1951 [*Act 400*], which is referred to as the “extended Act” in this Order, is extended to the Federal Territory of Labuan.

(2) In its application to the Federal Territory of Labuan, the extended Act is modified in the manner set out in the Schedule.

Extension of subsidiary legislation to the Federal Territory of Labuan

3. (1) All subsidiary legislations made under the extended Act are extended to the Federal Territory of Labuan.

(2) All subsidiary legislations made under the extended Act shall be read with such corresponding alterations as to names or names of titles as may be necessary to bring that subsidiary legislation into accord with the extended Act as modified by this Order.

Repeal, transitional and savings

4. (1) The Money Lenders Ordinance [*Sabah Cap. 81*] and all subsidiary legislations made under the Ordinance, in its application to the Federal Territory of Labuan, are repealed (hereinafter referred to as the “repealed Ordinance”).

(2) Any license issued or approval granted under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order shall continue and remain in full force until the license expires, is amended, suspended or cancelled, or the approval expires or is revoked under the repealed Ordinance, for which purpose only the repealed Ordinance shall continue to be in full force and effect.

(3) Any order or proceeding pending or commenced under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order shall be continued and concluded under the repealed Ordinance as if this Order had not been made.

SCHEDULE

[Subparagraph 2(2)]

*Provisions of the
Moneylenders Act 1951**Modification*

Subsection 1(2)

Substitute for the word “only” the words “and the Federal Territory of Labuan”.

Section 2

Insert after the definition of “moneylending agreement” the following definition:

“Perbadanan Labuan” has the same meaning assigned to it in the Perbadanan Labuan Act 2001 [*Act 609*];’.

Subsection 4(1)

Insert the words “and officers of Perbadanan Labuan” after the words “public service”.

Subsection 4A(2)

Insert the words “and officer of Perbadanan Labuan” after the words “public officer”.

Subsection 27(1)

Delete the words “District Officer,”.

Made 23 October 2007

[KPKT(S)01/861/3 Jld. 6; PN(PU²)415/X]

By Command,

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 414.**AKTA MALAYSIA****PERINTAH NEGERI-NEGERI SABAH DAN SARAWAK (PEMELUASAN DAN
UBAH SUAIAAN AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 74 Akta Malaysia [*Akta 26/1963*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak (Pemeluasan dan Ubah Suaian Akta Pemberi Pinjam Wang 1951) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pemeluasan dan ubah suaian Akta ke Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak

2. (1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*] yang disebut “Akta yang dipeluaskan” dalam Perintah ini, adalah dipeluaskan ke Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak.

(2) Dalam pemakaiannya bagi Negeri Sabah, Akta yang dipeluaskan diubah suai sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama.

(3) Dalam pemakaiannya bagi Negeri Sarawak, Akta yang dipeluaskan diubah suai sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama.

Pemeluasan dan ubah suaian perundangan subsidiari ke Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang dipeluaskan, yang disebut “perundangan subsidiari yang dipeluaskan” dalam Perintah ini, adalah dipeluaskan ke Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak.

(2) Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 [*P.U. (A) 400/2003*] yang dibuat di bawah Akta yang dipeluaskan adalah dipeluaskan ke Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak diubah suai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Tertakluk kepada ubah suaian khas yang dibuat oleh subperenggan (2), mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang dipeluaskan hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan-perubahan yang bersamaan tentang nama atau nama jawatan sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan Akta yang dipeluaskan sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah ini.

Penyerahhakan hasil kepada Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak

4. Hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga diserahkan kepada Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak.

Pemansuhan, peralihan dan kecualian

5. (1) Ordinan Pemberi Pinjam Wang [*Sabah Bab 81*], Ordinan Pemberi Pinjam Wang [*Sarawak Bab 114*] dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Ordinan-Ordinan tersebut adalah dimansuhkan (kemudian daripada ini disebut “Ordinan yang dimansuhkan”).

(2) Apa-apa lesen yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa, hendaklah terus dan kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dikansel, atau kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan, yang hanya bagi maksud itu Ordinan yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya.

(3) Mana-mana perintah atau prosiding yang belum selesai atau telah dimulakan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA

BAHAGIAN I

NEGERI SABAH

[Subperenggan 2(2)]

Peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951

Ubah suaian

Subseksyen 1(2)	Gantikan perkataan “only” dengan perkataan “and the State of Sabah”.
Seksyen 2	Masukkan sebelum takrif ‘ “authorized name” and “authorized address” ’ takrif yang berikut: ‘ “Authority” has the same meaning assigned to it in the Local Government Ordinance 1961 [<i>Sabah Ord. 11/1961</i>];’.
Subseksyen 4(1)	Masukkan perkataan “and officers of the Authority selepas perkataan “public service”.
Subseksyen 4A(2)	Masukkan perkataan “and officer of the Authority” selepas perkataan “public officer”.

*Peruntukan Akta Pemberi
Pinjam Wang 1951*

Ubah suaian

Perenggan 6(1)(c)	Gantikan perkataan “Registration of Businesses Act 1956 [<i>Act 197</i>]” dengan perkataan “Trade Licensing Ordinance [<i>Sabah Cap. 144</i>]”.
Subseksyen 29F(5)	Gantikan perkataan “Federal Consolidated Fund” dengan perkataan “State Consolidated Fund”.

BAHAGIAN II

NEGERI SARAWAK

[Subperenggan 2(3)]

*Peruntukan Akta Pemberi
Pinjam Wang 1951*

Ubah suaian

Subseksyen 1(2)	Gantikan perkataan “only” dengan perkataan “and the State of Sarawak”.
Seksyen 2	Masukkan selepas takrif “license” takrif yang berikut: ‘ “local authority” has the same meaning assigned to it in the Local Authorities Ordinance 1996 [<i>Sarawak Ord. 20/1996</i>]; ’
Subseksyen 4(1)	Masukkan perkataan “and officers of the local authority” selepas perkataan “public service”.
Subseksyen 4A(2)	Masukkan perkataan “and officer of the local authority” selepas perkataan “public officer”.
Perenggan 6(1)(c)	Gantikan perkataan “Registration of Businesses Act 1956 [<i>Act 197</i>]” dengan perkataan “Businesses, Professions and Trade Licensing Ordinance [<i>Sarawak Cap. 33</i>] and Business Names Ordinance [<i>Sarawak Cap. 64</i>]”.
Subseksyen 29F(5)	Gantikan perkataan “Federal Consolidated Fund” dengan perkataan “State Consolidated Fund”.

JADUAL KEDUA

[Subperenggan 3(2)]

*Peruntukan Peraturan-
Peraturan Pemberi Pinjam
Wang (Kawalan
dan Pelesenan) 2003*

Ubah suaian

Subperaturan 20(2)

Gantikan perkataan “Kumpulan Wang Disatukan” dengan perkataan “Kumpulan Wang Disatukan Negeri”.

JADUAL KETIGA

[Subperenggan 3(3)]

Hasil yang diserahkan—

- (a) di bawah Akta yang dipeluaskan adalah bayaran denda lewat memperbaharui lesen di bawah seksyen 5E; dan
- (b) di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 adalah—
 - (i) fi permit iklan di bawah peraturan 6;
 - (ii) fi carian senarai Pemberi Pinjam Wang di bawah peraturan 19; dan
 - (iii) fi carian butir-butir Pemberi Pinjam Wang di bawah peraturan 19.

Dibuat 23 Oktober 2007

[KPKT(S)01/861/3 Jld. 6; PN(PU²)112/III]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara menurut subseksyen 74(9) Akta Malaysia*]

MALAYSIA ACT

STATES OF SABAH AND SARAWAK (EXTENSION AND MODIFICATION OF
THE MONEYLENDERS ACT 1951) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 74 of the Malaysia Act [Act 26/1963], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **States of Sabah and Sarawak (Extension and Modification of the Moneylenders Act 1951) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Extension and modification of Act to the States of Sabah and Sarawak

2. (1) The Moneylenders Act 1951 [Act 400], which is referred to as the “extended Act” in this Order is extended to the States of Sabah and Sarawak.

(2) In its application to the State of Sabah, the extended Act is modified in the manner set out in Part I of the First Schedule.

(3) In its application to the State of Sarawak, the extended Act is modified in the manner set out in Part II of the First Schedule.

Extension and modification of subsidiary legislations to the States of Sabah and Sarawak

3. (1) Subject to subparagraph (2), all subsidiary legislations made under the extended Act, which is referred to as the “extended subsidiary legislations” in this Order, are extended to the States of Sabah and Sarawak.

(2) The Moneylenders (Control and Licensing) Regulations 2003 [P.U. (A) 400/2003] made under the extended Act are modified to the States of Sabah and Sarawak in the manner set out in the Second Schedule.

(3) Subject to the specific modifications made by subparagraph (2), any subsidiary legislation made under the extended Act shall be read with such corresponding alterations as to names or names of titles as may be necessary to bring that subsidiary legislation into accord with the extended Act as modified by this Order.

Assignment of proceeds to the States of Sabah and Sarawak

4. The proceeds as set out in the Third Schedule are assigned to the States of Sabah and Sarawak.

Repeal, transitional and savings

5. (1) The Money Lenders Ordinance [*Sabah Cap. 81*], the Moneylenders Ordinance [*Sarawak Cap. 114*] and all subsidiary legislations made under these Ordinances are repealed (hereinafter referred to as the “repealed Ordinance”).

(2) Any license issued or approval granted under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order shall continue and remain in full force until the license expires, is amended, suspended or cancelled, or the approval expires or is revoked under the repealed Ordinance, for which purpose only the repealed Ordinance shall continue to be in full force and effect.

(3) Any order or proceeding pending or commenced under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order shall be continued and concluded under the repealed Ordinance as if this Order had not been made.

FIRST SCHEDULE

PART I

THE STATE OF SABAH

[Subparagraph 2(2)]

*Provisions of the
Moneylenders Act 1951**Modification*

Subsection 1(2)	Substitute for the word “only” the words “and the State of Sabah”.
Section 2	Insert before the definition of ‘ “authorized name” and authorized address” ’ the following definition: “ “Authority” has the same meaning assigned to it in the Local Government Ordinance 1961 [<i>Sabah Ord. 11/1961</i>];’.
Subsection 4(1)	Insert the words “and officers of the Authority” after the words “public service”.
Subsection 4A(2)	Insert the words “and officer of the Authority” after the words “public-officer”.
Paragraph 6(1)(c)	Substitute for the words “Registration of Businesses Act 1956 [<i>Act 197</i>]” the words “Trade Licensing Ordinance [<i>Sabah Cap. 144</i>]”.
Subsection 29F(5)	Substitute for the words “Federal Consolidated Fund” the words “State Consolidated Fund”.

PART II

THE STATE OF SARAWAK

[Subparagraph 2(3)]

<i>Provisions of the Moneylenders Act 1951</i>	<i>Modification</i>
Subsection 1(2)	Substitute for the word “only” the words “and the State of Sarawak”.
Section 2	Insert after the definition of “license” the following definition: ‘ “local authority” has the same meaning assigned to it in the Local Authorities Ordinance 1996 [<i>Sarawak Ord. 20/1996</i>];’.
Subsection 4(1)	Insert the words “and officers of the local authority” after the words “public service”.
Subsection 4A(2)	Insert the words “and officer of the local authority” after the words “public officer”.
Paragraph 6(1)(c)	Substitute for the words “Registration of Businesses Act 1956 [<i>Act 197</i>]” the words “Businesses, Professions and Trade Licensing Ordinance [<i>Sarawak Cap. 33</i>] and Business Names Ordinance [<i>Sarawak Cap. 64</i>]”.
Subsection 29F(5)	Substitute for the words “Federal Consolidated Fund” the words “State Consolidated Fund”.

SECOND SCHEDULE

[Subparagraph 3(2)]

<i>Provisions of the Moneylenders (Control and Licensing) Regulations 2003</i>	<i>Modification</i>
Subregulation 20(2)	Substitute for the words “Consolidated Fund” the words “State Consolidated Fund”.

THIRD SCHEDULE

[Subparagraph 3(3)]

Proceeds assigned—

- (a) under the extended Act are penalties for late renewal of license under section 5E; and
- (b) under the Moneylenders (Control and Licensing) Regulations 2003 are—
 - (i) fee for advertisement permit under regulation 6;
 - (ii) fee for Moneylenders' list search under regulation 19; and
 - (iii) fee for Moneylenders' particulars search under regulation 19.

Made 23 October 2007

[KPKT(S)01/861/3 Jld. 6; PN(PU²)112/III]

By Command,

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN
Secretary to the Cabinet

[To be laid before Dewan Rakyat and Dewan Negara pursuant to subsection 74(9) of the Malaysia Act]

P.U. (A) 415.

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN 1957

**PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
(PINDAAN JADUAL) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 [*Akta 393*], Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan Jadual) 2007**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2007.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta dipinda di bawah tajuk “SALARIES AND FIXED ALLOWANCES” —

- (a) berkenaan dengan tajuk “Public Services Commission”, dengan menggantikan subperenggan 1, 2 dan 3 dengan subperenggan yang berikut:

Per month

“1. Chairman: Salary	RM12,523.75
2. Deputy Chairman: Salary	RM10,270.05
3. Members: Fixed allowance	RM6,838.84”;

- (b) berkenaan dengan tajuk “Judicial and Legal Service Commission”, dengan menggantikan angka “5,547.51” dengan angka “6,379.64”;

- (c) berkenaan dengan tajuk “Police Service Commission”, dengan menggantikan angka “5,547.51” dengan angka “6,379.64”; dan

- (d) berkenaan dengan tajuk “Education Service Commission”, dengan menggantikan subperenggan 1, 2 dan 3 dengan subperenggan yang berikut:

Per month

“1. Chairman: Salary	RM11,164.94
2. Deputy Chairman: Salary	RM9,480.90
3. Members: Fixed allowance	RM6,379.64”.

Dibuat 6 Disember 2007

[PM(BK)R. 11334/1 Jld. 17; PN(PU²)372/II]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

SERVICE COMMISSIONS ACT 1957

SERVICE COMMISSIONS (AMENDMENT OF SCHEDULE) REGULATIONS 2007

In exercise of the powers conferred by section 13 of the Service Commissions Act 1957 [Act 393], the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Commissions (Amendment of Schedule) Regulations 2007**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 July 2007.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Act is amended under the heading “SALARIES AND FIXED ALLOWANCES”—

(a) in respect of the heading “Public Services Commission”, by substituting for subparagraphs 1, 2 and 3 the following subparagraphs:

Per month

- | | |
|---------------------|--------------|
| “1. Chairman: | |
| Salary | RM12,523.75 |
| 2. Deputy Chairman: | |
| Salary | RM10,270.05 |
| 3. Members: | |
| Fixed allowance | RM6,838.84”; |

(b) in respect of the heading “Judicial and Legal Service Commission”, by substituting for the figure “5,547.51” the figure “6,379.64”;

(c) in respect of the heading “Police Service Commission”, by substituting for the figure “5,547.51” the figure “6,379.64”; and

(d) in respect of the heading “Education Service Commission”, by substituting for subparagraphs 1, 2 and 3 the following subparagraphs:

Per month

- | | |
|---------------------|--------------|
| “1. Chairman: | |
| Salary | RM11,164.94 |
| 2. Deputy Chairman: | |
| Salary | RM9,480.90 |
| 3. Members: | |
| Fixed allowance | RM6,379.64”. |

Made 6 December 2007

[PM(BK)R. 11334/1 Jld. 17; PN(PU²)372/II]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 416.**AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957****PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
(PINDAAN JADUAL) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 [*Akta 31*], Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2007**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2007.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta dipinda dalam perenggan 1—

- (a) dengan menggantikan angka “9,039.80” dengan angka “11,164.94”;
- (b) dengan menggantikan angka “7,672.50” dengan angka “9,480.90”;
dan
- (c) dengan menggantikan angka “5,547.51” dengan angka “6,379.64”.

Dibuat 6 Disember 2007
[PM(BK)R. 11334/1 Jld. 17; PN(PU³)373]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

ELECTION COMMISSION ACT 1957**ELECTION COMMISSION (AMENDMENT OF SCHEDULE)
REGULATIONS 2007**

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Election Commission Act 1957 [*Act 31*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Election Commission (Amendment of Schedule) Regulations 2007**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 July 2007.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Act is amended in paragraph 1—

- (a) by substituting for the figure “9,039.80” the figure “11,164.94”;
- (b) by substituting for the figure “7,672.50” the figure “9,480.90”; and
- (c) by substituting for the figure “5,547.51” the figure “6,379.64”.

Made 6 December 2007

[PM(BK)R. 11334/1 Jld. 17; PN(PU²)373]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 417.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (No. 19) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 19) 2007**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“nod yang diluluskan” ertinya suatu kawasan yang dinamakan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar yang ditentukan oleh IRDA;

“pemaju” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia yang membeli atau memperoleh apa-apa hak atau hak-hak ke atas sebahagian atau keseluruhan tanah untuk menjalankan pembangunan dalam nod yang diluluskan mengikut pelan induk nod itu; dan

(b) yang diluluskan oleh Menteri;

“pengurus pemaju” ertinya suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bermastautin di Malaysia;

(b) yang dilantik oleh seseorang pemaju untuk mengadakan perkhidmatan pengurusan, penyeliaan atau pemasaran berhubung dengan aktiviti pemaju dalam nod yang diluluskan mengikut pelan induk nod itu; dan

(c) yang diluluskan oleh Menteri;

“Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar” ertinya Pihak Berkuasa yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 [Akta 664];

“syarikat pembangunan projek nod” ertinya suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bermastautin di Malaysia;

(b) yang fungsinya adalah untuk memperaku, memudahkan dan menyelaras—

(i) aktiviti pembangunan yang dilaksanakan oleh seseorang pemaju; atau

(ii) perkhidmatan yang disediakan oleh seseorang pengurus pemaju,

dalam mana-mana nod yang diluluskan; dan

(c) yang diluluskan oleh IRDA;

“Wilayah Pembangunan Iskandar” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007.

(2) Bagi maksud Perintah ini—

“IDR” adalah singkatan bagi *Iskandar Development Region*;

“IRDA” adalah singkatan bagi *Iskandar Regional Development Authority*.

Pengecualian

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan—

(a) seseorang pemaju daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanunnya yang terbit daripada—

(i) pelupusan apa-apa hak atau hak-hak atas mana-mana tanah dalam nod yang diluluskan bermula dari tahun pertama taksiran yang pemaju itu memperoleh pendapatan berkanun sehingga tahun taksiran 2015; dan

(ii) sewa atau pelupusan suatu bangunan yang terletak dalam suatu nod yang diluluskan bermula dari tahun pertama taksiran yang pemaju itu memperoleh pendapatan berkanun sehingga tahun taksiran 2020; atau

(b) seorang pengurus pemaju daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanunnya yang terbit daripada pengadaaan perkhidmatan pengurusan, penyeliaan atau pemasaran kepada pemaju yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) bermula dari tahun pertama taksiran yang dalamnya pengurus pemaju itu memperoleh pendapatan berkanun sehingga tahun taksiran 2020.

(selepas ini disebut sebagai “tahun-tahun taksiran dikecualikan”).

(2) Menteri boleh menarik balik pengecualian cukai atas pendapatan berkanun bagi aktiviti yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) atau (b) jika seseorang pemaju atau seseorang pengurus pemaju, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak mematuhi apa-apa syarat mengikut pelan induk yang diluluskan bagi nod itu.

(3) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah ditentukan selepas memotong elaun-elaun yang diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun-elaun itu telah dibuat:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu aset digunakan bagi maksud aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1) digunakan juga bagi maksud suatu aktiviti atau suatu perniagaan selain aktiviti itu, maka elaun-elaun yang diberikan di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat mana aset itu digunakan bagi maksud aktiviti yang mula-mula disebut itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan pemaju dan pengurus pemaju daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Kerugian

4. (1) Apa-apa amaun kerugian larasan yang dilakukan—

(a) dari tahun taksiran dalam tempoh asas aktiviti yang disebut dalam subsubperenggan 3(1)(a) atau (b), bermula sehingga tahun taksiran sebaik sebelum tahun-tahun taksiran yang dikecualikan itu; dan

(b) dalam tahun-tahun taksiran dikecualikan itu,

hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong daripada pendapatan berkanun aktiviti itu dalam pasca tahun atau tahun-tahun taksiran dikecualikan sehingga aktiviti itu telah menggunakan kesemua amaun kerugian larasan yang ia berhak.

(2) Sekian banyak daripada kerugian larasan yang telah digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun bagi aktiviti yang disebut dalam subperenggan

3(1), dalam pasca tahun atau tahun-tahun taksiran dikecualikan, tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(1) Akta.

Punca dan akaun yang berasingan

5. (1) Jika seseorang pemaju atau pengurus pemaju menjalankan suatu aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1), dan aktiviti atau perniagaan lain, setiap aktiviti atau perniagaan itu hendaklah dianggap sebagai suatu punca aktiviti atau perniagaan yang berasingan dan berlainan.

(2) Pemaju atau pengurus pemaju yang dikecualikan di bawah subsubperenggan 3(1)(a) atau (b), hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang terbit daripada aktiviti yang disebut dalam subsubperenggan itu.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A

6. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan daripada cukai pendapatan yang terbit daripada aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1).

Ketidakpakaian

7. Perintah ini tidak terpakai kepada seseorang pemaju atau pengurus pemaju yang tidak memperoleh pengesahan tahunan, berhubung dengan aktivitinya yang disebut dalam subperenggan 3(1), daripada syarikat pembangunan projek nod.

Dibuat 6 Disember 2007

[Perb. 0.3865/73(SJ. 74)(Vol. 3)(SK. 1)(3); LHDN 01/35/(S)/42/51/82-66; PN(PU²)80/LI]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (No. 19) ORDER 2007

In exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 19) Order 2007**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2007.

Interpretation

2. (1) In this Order, unless the context otherwise requires—

“approved node” means a designated area within the Iskandar Development Region as determined by IRDA;

“developer” means a company—

- (a) incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*] and resident in Malaysia which purchases or acquires any right or rights over part or the whole of the land to undertake development in an approved node in accordance with the master plan for the node; and
- (b) approved by the Minister;

“development manager” means a company—

- (a) incorporated under the Companies Act 1965 and resident in Malaysia;
- (b) appointed by a developer to provide management, supervisory or marketing services in relation to the activity of the developer in an approved node in accordance with the master plan for the said node; and
- (c) approved by the Minister;

“Iskandar Regional Development Authority” means an Authority established under the Iskandar Regional Development Authority Act 2007 [*Act 664*];

“node project development company” means a company—

- (a) incorporated under the Companies Act 1965 and resident in Malaysia;
- (b) whose functions are to certify, facilitate and coordinate—
 - (i) the development activities undertaken by a developer; or
 - (ii) services provided by a development manager,in any approved node; and
- (c) approved by IRDA;

“Iskandar Development Region” has the same meaning assigned to it under the Iskandar Regional Development Authority Act 2007.

(2) For the purpose of this Order—

“IDR” is the abbreviation for Iskandar Development Region;

“IRDA” is the abbreviation for Iskandar Regional Development Authority.

Exemption

3. (1) Subject to subparagraph (2), the Minister exempts—

- (a) a developer from the payment of income tax in respect of its statutory income derived from—
 - (i) the disposal of any right or rights over any land in an approved node commencing from the first year of assessment in which the developer derived statutory income until the year of assessment 2015; and
 - (ii) rental or disposal of a building located in an approved node commencing from the first year of assessment in which the developer derived statutory income until the year of assessment 2020; or
- (b) a development manager from the payment of income tax in respect of its statutory income derived from the provision of management, supervisory or marketing services to the developer referred to in subsubparagraph (1)(a) commencing from the first year of assessment in which the development manager derived its statutory income until the year of assessment 2020.

(hereinafter referred to as “exempt years of assessment”).

(2) The Minister may withdraw the tax exemption on the statutory income of the activity referred to in subsubparagraph (1)(a) or (b) if a developer or a development manager, as the case may be, fails to comply with any condition in accordance with the approved master plan for the said node.

(3) The statutory income referred to in subparagraph (1) in the basis period for each exempt year of assessment shall be determined after deducting allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made:

Provided that where an asset used for the purpose of the activity referred to in subparagraph (1) is also used for the purpose of an activity or a business other than that activity, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purpose of the first-mentioned activity.

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the developer and development manager from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the provision of the Act.

Losses

4. (1) Any amount of adjusted loss incurred—

(a) from the year of assessment in the basis period in which the activity referred to in subsubparagraph 3(1)(a) or (b), commences to the year of assessment immediately prior to the exempt years of assessment; and

(b) during the exempt years of assessment,

shall be carried forward and deducted against the statutory income of the activity in its post-exempt year or years of assessment until that activity has utilized the whole amount of the adjusted loss to which it is so entitled.

(2) So much of the adjusted loss that was utilized to reduce the statutory income of that activity referred to in subparagraph 3(1), in its post-exempt year or years of assessment, shall be disregarded for the purposes of the subsections 43(2) and 44(1) of the Act.

Separate source and account

5. (1) Where a developer or development manager carries on an activity referred to in subparagraph 3(1), and other activity or business, each of such activity or business shall be treated as a separate and distinct source of activity or business.

(2) The developer or development manager which is exempted under subsubparagraph 3(1)(a) or (b), shall maintain a separate account for the income derived from the activity referred to in that subsubparagraph.

Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A

6. Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A of the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of statutory income exempted from income tax which is derived from the activity referred to in subparagraph 3(1).

Non-application

7. This Order shall not apply to a developer or development manager that has not obtained annual certification, in relation to its activity referred to in subparagraph 3(1), from the node project development company.

Made 6 December 2007

[Perb. 0.3865/73(SJ. 74)(Vol. 3)(SK. 1)(3); LHDN 01/35/(S)/42/51/82-66; PN(PU²)80/LI]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]

P.U. (A) 418.**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967****PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECHUALIAN) (No. 20) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengechualian) (No. 20) 2007**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti kelayakan” ertinya suatu aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri;

“nod yang diluluskan” ertinya suatu kawasan yang dinamakan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar yang ditentukan oleh IRDA;

“Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar” ertinya Pihak Berkuasa yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 [*Akta 664*];

“syarikat berstatus IDR” ertinya suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia yang menjalankan aktiviti yang layak dalam nod yang diluluskan; dan

(b) yang diluluskan oleh Menteri;

“Wilayah Pembangunan Iskandar” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007.

(2) Bagi maksud Perintah ini—

“IDR” adalah singkatan bagi *Iskandar Development Region*;

“IRDA” adalah singkatan bagi *Iskandar Regional Development Authority*.

Pengecualian

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan suatu syarikat berstatus IDR daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanunnya yang terbit daripada aktiviti kelayakan yang disediakan kepada mana-mana orang yang terletak—

- (a) kedua-duanya dalam nod yang diluluskan dan di luar Malaysia; atau
- (b) di luar Malaysia sahaja;

bagi suatu tempoh sepuluh tahun bermula dari tarikh bermulanya aktiviti kelayakan itu (sepuluh tahun selepas ini disebut sebagai “tempoh dikecualikan”).

(2) Menteri boleh menarik balik pengecualian cukai atas pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) jika suatu syarikat berstatus IDR tidak menyediakan aktiviti kelayakan itu kepada mana-mana orang yang disebut dalam subsubperenggan 3(1)(a) atau (b).

(3) Pendapatan berkanun daripada aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tempoh dikecualikan hendaklah ditentukan selepas memotong elaun-elaun yang diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun-elaun itu yang telah dibuat:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu aset digunakan bagi maksud aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1) digunakan juga bagi maksud suatu projek atau perniagaan selain aktiviti itu, maka elaun-elaun yang diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat mana aset itu digunakan bagi maksud aktiviti yang mula-mula disebut itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Kerugian

4. (1) Apa-apa amaun kerugian larasan yang dilakukan—

- (a) dari tahun taksiran dalam tempoh asas aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1) bermula sehingga tahun taksiran sebaik sebelum tahun-tahun taksiran yang dikecualikan itu; dan
- (b) dalam tempoh dikecualikan itu,

hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong daripada pendapatan berkanun aktiviti itu dalam pasca tempoh dikecualikan sehingga aktiviti itu telah menggunakan kesemua amaun kerugian larasan yang ia berhak.

(2) Sekian banyak daripada kerugian larasan yang telah digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun bagi aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1), dalam pasca tempoh dikecualikan, tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(1) Akta.

Punca dan akaun yang berasingan

5. (1) Jika suatu syarikat berstatus IDR menjalankan aktiviti kelayakan yang disebut dalam subperenggan 3(1) dan aktiviti atau perniagaan lain, setiap aktiviti atau perniagaan itu hendaklah dianggap sebagai suatu punca aktiviti atau perniagaan yang berasingan dan berlainan.

(2) Syarikat berstatus IDR yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(1) hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang terbit daripada aktiviti kelayakan yang disebut dalam subperenggan itu.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A

6. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan daripada cukai pendapatan yang terbit daripada aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1).

Ketidakpakaian

7. Perintah ini tidak terpakai bagi syarikat berstatus IDR yang memulakan aktiviti kelayakan dalam nod yang diluluskan selepas 31 Disember 2015.

Dibuat 6 Disember 2007

[Perb. 0.3865/73(SJ. 74)(Vol. 3)(SK. 1)(3); LHDN 01/35/(S)/42/51/82-66; PN(PU²)80/LI]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967**INCOME TAX (EXEMPTION) (No. 20) ORDER 2007**

In exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 20) Order 2007**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2007.

Interpretation

2. (1) In this Order, unless the context otherwise requires—

“qualifying activity” means an activity determined by the Minister;

“approved node” means a designated area within the Iskandar Development Region as determined by IRDA;

“Iskandar Regional Development Authority” means an Authority established under the Iskandar Regional Development Authority Act 2007 [*Act 664*];

“IDR-status company” means a company—

(a) incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*] and resident in Malaysia which undertakes qualifying activity in an approved node; and

(b) approved by the Minister;

“Iskandar Development Region” has the same meaning assigned to it under the Iskandar Regional Development Authority Act 2007.

(2) For the purpose of this Order—

“IDR” is the abbreviation for Iskandar Development Region;

“IRDA” is the abbreviation for Iskandar Regional Development Authority.

Exemption

3. (1) Subject to subparagraph (2), the Minister exempts an IDR-status company from the payment of income tax in respect of its statutory income derived from a qualifying activity provided to any person situated—

(a) both within an approved node and outside Malaysia; or

(b) outside Malaysia only,

for a period of ten years commencing from the date of commencement of that qualifying activity (the ten years hereinafter referred to as “exempt period”).

(2) The Minister may withdraw the tax exemption on the statutory income referred to in subparagraph (1) if an IDR-status company fails to undertake such qualifying activity provided to any person referred to in subsubparagraph 3(1)(a) or (b).

(3) The statutory income of the activity referred to in subparagraph (1) in the basis period for each of the exempt period shall be determined after deducting allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made:

Provided that where an asset used for the purpose of the activity referred to in subparagraph (1) is also used for the purpose of an activity or a business other than that activity, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purpose of the first-mentioned activity.

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the provision of the Act.

Losses

4. (1) Any amount of adjusted loss incurred—

- (a) from the year of assessment in the basis period in which the activity referred to in subparagraph 3(1) commences to the year of assessment immediately prior to the exempt years of assessment; and
- (b) during the exempt period,

shall be carried forward and deducted against the statutory income of the activity in its post-exempt period until that activity has utilized the whole amount of the adjusted loss to which it is so entitled.

(2) So much of the adjusted loss that was utilized to reduce the statutory income of that activity referred to in subparagraph 3(1), in its post-exempt period, shall be disregarded for the purposes of the subsections 43(2) and 44(1) of the Act.

Separate source and account

5. (1) Where an IDR-status company carries on a qualifying activity referred to in subparagraph 3(1) and other activity or business, each of such activity or business shall be treated as a separate and distinct source of activity or business.

(2) The IDR-status company which is exempted under subparagraph 3(1) shall maintain a separate account for the income derived from the qualifying activity referred to in that subparagraph.

Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A

6. Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A of the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of statutory income exempted from income tax which is derived from the activity referred to in subparagraph 3(1).

Non-application

7. This order shall not apply to an IDR-status company which commences its qualifying activity in an approved node after 31 December 2015.

Made 6 December 2007

[Perb. 0.3865/73(SJ. 74)(Vol. 3)(SK. 1)(3); LHDN 01/35/(S)/42/51/82-66; PN(PU²)80/LI]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]

P.U. (A) 419.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (No. 21) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 21) 2007**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 2007.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti kelayakan” ertinya suatu aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri;

“nod yang diluluskan” ertinya suatu kawasan yang dinamakan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar yang ditentukan oleh IRDA;

“pemaju” ertinya suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia yang membeli atau memperoleh apa-apa hak atau hak-hak ke atas sebahagian atau keseluruhan tanah untuk menjalankan pembangunan dalam nod yang diluluskan mengikut pelan induk nod itu; dan

(b) yang diluluskan oleh Menteri;

“pengurus pemaju” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bermastautin di Malaysia;
- (b) yang dilantik oleh seseorang pemaju untuk mengadakan perkhidmatan pengurusan, penyeliaan atau pemasaran berhubung dengan aktiviti pemaju dalam nod yang diluluskan mengikut pelan induk nod itu; dan
- (c) yang diluluskan oleh Menteri;

“Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar” ertinya Pihak Berkuasa yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 [*Akta 664*];

“syarikat berstatus IDR” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bermastautin di Malaysia yang menjalankan aktiviti kelayakan dalam nod yang diluluskan; dan
- (b) yang diluluskan oleh Menteri;

“Wilayah Pembangunan Iskandar” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007.

(2) Bagi maksud Perintah ini—

“IDR” adalah singkatan bagi *Iskandar Development Region*;

“IRDA” adalah singkatan bagi *Iskandar Regional Development Authority*.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan orang bukan pemastautin daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan—

- (a) fi bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan di bawah perenggan 4A(ii) Akta yang diterima daripada seseorang pemaju, pengurus pemaju atau syarikat berstatus IDR;
- (b) faedah yang diterima daripada seseorang pemaju; dan
- (c) royalti yang diterima daripada seseorang pemaju atau syarikat berstatus IDR.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang bukan pemastautin itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Ketidakpakaian

4. (1) Perintah ini tidak terpakai bagi orang bukan pemastautin yang menerima—

- (a) fi bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan di bawah perenggan 4A(ii) Akta yang disebut dalam subsubperenggan 3(1)(a) daripada seorang pemaju atau pengurus pemaju selepas 31 Disember 2015;
- (b) fi bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan di bawah perenggan 4A(ii) Akta dan royalti yang disebut dalam subsubperenggan 3(1)(a) dan (c) masing-masing daripada syarikat berstatus IDR selepas sepuluh tahun dari tarikh bermulanya aktiviti kelayakan di Malaysia; dan
- (c) faedah dan royalti yang disebut dalam subsubperenggan 3(1)(b) dan (c) daripada seorang pemaju selepas 31 Disember 2015.

(2) Peruntukan seksyen 109 and 109B Akta tidak terpakai kepada pendapatan yang disebut dalam perenggan 3 Perintah ini.

Dibuat 6 Disember 2007

[Perb. 0.3865/73(SJ. 74)(Vol. 3)(SK. 1)(3); LHDN 01/35/(S)/42/51/82-66; PN(PU²)80/LI]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967**INCOME TAX (EXEMPTION) (No. 21) ORDER 2007**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 21) Order 2007**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 September 2007.

Interpretation

2. (1) In this Order, unless the context otherwise requires—

“qualifying activity” means an activity determined by the Minister;

“approved node” means a designated area within the Iskandar Development Region as determined by IRDA;

“developer” means a company—

- (a) incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*] and resident in Malaysia which purchases or acquires any right or rights over part or the whole of the land to undertake development in an approved node in accordance with the master plan for the node; and
- (b) approved by the Minister;

“development manager” means a company—

- (a) incorporated under the Companies Act 1965 and resident in Malaysia;
- (b) appointed by a developer to provide management, supervisory or marketing services in relation to the activity of the developer in an approved node in accordance with the master plan for the said node; and
- (c) approved by the Minister;

“Iskandar Regional Development Authority” means an Authority established under the Iskandar Regional Development Authority Act 2007 [*Act 664*];

“IDR-status company” means a company—

- (a) incorporated under the Companies Act 1965 and resident in Malaysia which undertakes qualifying activity in an approved node; and
- (b) approved by the Minister;

“Iskandar Development Region” has the same meaning assigned to it under the Iskandar Regional Development Authority Act 2007.

(2) For the purpose of this Order—

“IDR” is the abbreviation for Iskandar Development Region;

“IRDA” is the abbreviation for Iskandar Regional Development Authority.

Exemption

3. (1) The Minister exempts a non-resident person from the payment of income tax in respect of—

- (a) fees for technical advice, assistance or services under paragraph 4A(ii) of the Act received from a developer, development manager or IDR-status company;
- (b) interest received from a developer; and
- (c) royalty received from a developer or IDR-status company.

(2) Nothing in subparagraphs (1) shall absolve or be deemed to have absolved the non-resident person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the provisions of the Act.

Non-application

4. (1) This Order shall not apply to a non-resident person who receives—

- (a) fees for technical advice, assistance or services under paragraph 4A(ii) of the Act referred to in subparagraph 3(1)(a) from a developer or development manager after 31 December 2015;
- (b) fees for technical advice, assistance or services under paragraph 4A(ii) of the Act and royalty referred to in subparagraphs 3(1)(a) and (c) respectively from a IDR-status company after ten years from the date of commencement of his qualifying activity in Malaysia; and
- (c) interest and royalty referred to in subparagraphs 3(1)(b) and (c) from a developer after 31 December 2015.

(2) The provisions of sections 109 and 109B of the Act shall not apply to the income referred to in paragraph 3 of this Order.

Made 6 December 2007

[Perb. 0.3865/73(SJ. 74)(Vol. 3)(SK. 1)(3); LHDN 01/35/(S)/42/51/82-66; PN(PU²)80/LI]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]

P.U. (A) 420.

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEKUALIAN) (No. 10) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 10) 2007**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 8 September 2007.

Pengecualian

2. Semua surat cara yang menguatkuasakan pindah milik ke atas mana-mana harta tak alih yang merupakan pelupusan sukarela *inter vivos* daripada pemberi yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual kepada penerima yang dinyatakan dalam ruang (2) adalah dikecualikan daripada duti setem.

JADUAL

(1)	(2)
<i>Pemberi</i>	<i>Penerima</i>
Suami	Isteri
Isteri	Suami

Dibuat 4 Disember 2007

[Perb.CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2008)(SK. 10); LHDN.01/32.3/42/68-180-(1A)
(i)(13/07); PN(PU²)159/XXXIV]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) (No. 10) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 10) Order 2007**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 8 September 2007.

Exemption

2. All instruments effecting the transfer of any immovable property operating as a voluntary disposition *inter vivos* from the donor specified in column (1) of the Schedule to the recipient specified in column (2) is exempted from stamp duty.

SCHEDULE

(1)	(2)
<i>Donor</i>	<i>Recipient</i>
Husband	Wife
Wife	Husband

Made 4 December 2007

[Perb.CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2008)(SK. 10); LHDN.01/32.3/42/68-180-(1A)
(i)(13/07); PN(PU²)159/XXXIV]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

P.U. (A) 421.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK KELAPA SAWIT)
(No. 51) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Kelapa Sawit) (No. 51) 2007** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 17 Disember 2007 hingga 23 Disember 2007.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [*P.U. (A) 15/1996*], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (PALM OIL) (No. 51) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Palm Oil) (No. 51) Order 2007** and shall have effect for the period from 17 December 2007 to 23 December 2007.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [*P.U. (A) 15/1996*], the value of each of dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be the value specified in column (4) of the said Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	Subkepala (Subheading)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
Crude Palm Oil	1511.10 000	tonne	RM2,869.48

Dibuat 14 Disember 2007

Made 14 December 2007

[KE. HT(34.11) 819/03-6/kl. 6(61); Perb. (8.20) 116/1-4;
PN(PU²)338/VIII/kl. 6]

Dengan arahan Menteri Kewangan.

By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/

On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATUK AZIYAH BINTI BHAUDDIN

Setiausaha

Bahagian Analisa Cukai

P.U. (A) 422.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PEMBERHENTIAN SEMENTARA)

(No. 3) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Had Laju Kebangsaan (Pemberhentian Sementara) (No. 3) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa dari 17 Disember 2007 hingga 6 Januari 2008.

Pemberhentian sementara

2. (1) Subperenggan 2(1) Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 [*P.U. (A) 18/1989*] yang memperuntukkan had laju 90 kilometer sejam bagi semua jalan di Malaysia, selain jalan yang diperihalkan dalam Jadual kepada Perintah Had

Laju Kebangsaan 1989, hendaklah terhenti berkuat kuasa bagi tempoh mulai 17 Disember 2007 hingga 6 Januari 2008.

(2) Apabila habis tempoh Perintah ini, subperenggan 2(1) Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 hendaklah berkuat kuasa seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

Dibuat 12 Disember 2007
[KP/PUU/0440/W/BD/9 Jld. 9; PN(PU²)460/LI]

DATO' SRI CHAN KONG CHOY
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

NATIONAL SPEED LIMIT (TEMPORARY CESSATION) (No. 3) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 69(1) of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **National Speed Limit (Temporary Cessation) (No. 3) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation from 17 December 2007 until 6 January 2008.

Temporary cessation

2. (1) Subparagraph 2(1) of the National Speed Limit Order 1989 [*P.U. (A) 18/1989*] which provides the speed limit of 90 kilometres per hour for all roads in Malaysia, other than the roads described in the Schedule to the National Speed Limit Order 1989, shall cease to have effect for the period from 17 December 2007 until 6 January 2008.

(2) Upon the expiry of this Order, subparagraph 2(1) of the National Speed Limit Order 1989 shall have effect as if this Order has not been made.

Made 12 December 2007
[KP/PUU/0440/W/BD/9 Jld. 9; PN(PU²)460/I]

DATO' SRI CHAN KONG CHOY
Minister of Transport

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA